

KUALA LUMPUR, 10 OKT. (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENYIASAT LAKWAAN SAMAD ISMAIL YANG BELIAU TELAH MEMPENGARUHI GOLONGAN TERTENTU DALAM UMNO, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI. 1976

+KAMI SEDANG BERUSAHA MENDAPATKAN BUKTI-BUKTI BAGI MENENTUKAN SAMADA DAKWAANNYA ITU BENAR, + KATA BELIAU SEBAGAI MENGULAS GESAAN SUPAYA DIJALANKAN TINDAKAN MEMBERSIHKAN UMNO DAN KERAJAAN DARI KEMUNGKINAN AGEN-AGEN KOMINIS.

SOAL ITU AKAN DIBINCANGKAN DI MESYUARAT MAJLIS KERJA TERTINGGI UMNO DIJADUALKAN 23 OKTOBER. MESYUARAT ITU JUGA AKAN MENGAMBIL KEPUTUSAN MENGENAI PERMOHONAN DATUK HARUN IDRIS MEMASUKKI SEMULA UMNO BERDASARKAN LAPURAN JAWATANKUASA TATATERTIB PARTI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERHIMPUNAN TAHUNAN KONGRES ORANG-ORANG CEYLON SEMALAYSIA DI PETALING JAYA.

BELIAU MENAFIKAN KHABAR-KHABAR AGIN KONONNYA SATU ROMBAKAN KABINET AKAN DILAKUKAN TIDAK LAMA LAGI DAN BERKATA: +SAYA TIDAK TAHU-MENAHU TENTANG RANCANGAN MENGENAINYA. --BERSAMBUNG

+SAYA TIDAK BOLEH BERKATA APA-APA. SAYA TIDAK DAPAT MENYELAM 54 FIKIRAN DATUK HUSSEIN ONN YANG MEMPUNYAI KUASA MUTLAK UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAINYA+.

DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU BERSETUJU UMNO PERLU MEMBERSIHKAN DIRINYA DARI KEMUNGKINAN DISELUDUPI OLEH KOMINIS ATAU AGEN-AGEN MEREKA, TETAPI ADALAH SUKAR BAGI PARTI MENENTUKAN SIAPA KOMINIS KERANA IA TIDAK MEMPUNYAI KUASA UNTUK MEMANGGIL SAKSI DAN SEBAGAI-NYA.

BELIAU BERKATA, TIDAK ADA PERTENTANGAN ANTARA PENDAPATNYA SUPAYA KERAJAAN MENJALANKAN SIASATAN DAN GESAAN PEGAWAI-PEGAWAI UMNO SUPAYA DIJALANKAN GERAKAN +PEMBERSIHAN+.

BELIAU JUGA MENGULAS MENGENAI PERBEZAAN ANTARA SOSIALIS DAN KOMINIS DALAM KONTEKS KERAJAAN MEMERANGI KEMARAAN KOMINIS.

KATANYA, KERAJAAN SEDIA MENERIMA SOSIALIS SELAGI MEREKA MEMPERTAHAN PRINSIP-PRINSIP EEMOKRASI DAN TIDAK MENYERTAI USAHA HENDAK MENGGULINGKAN KERAJAAN SECARA KEKERASAN.

TETAPI JIKA MEREKA MENYERTAI KOMINIS ATAU MENYOKONG MEREKA BAGI MENGHASILKAN PERUBAHAN KERAJAAN SECARA KEKERASAN, KERAJAAN AKAN BERTINDAK KE ATAS MEREKA SEPerti YANG DILAKUKAN KE ATAS KOMINIS. --BERSAMBUNG WQRWPXBY

EF

B534

MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

+DALAM HAL DEMIKIAN TIDAK LAGI MENJADI SOAL KALAU MEREKA MENGGELAR DIRI SEBAGAI SOSIALIS ATAU APA SEKALIPUN+, TEGASNYA.

DITANYA MENGENAI HUBUNGAN ANTARA PENAHANAN SAMAD ISMAIL DENGAN DUA ORANG WARTAWAN SINGAPURA - HUSSEIN JAHIDIN DAN AZMI MAHMUD -- YANG TELAH PUN DIBEBASKAN, BELIAU BERKATA+, KAMI TIDAK BERTINDAK MENGIKUT APA YANG DIBUAT OLEH SINGAPURA+.

WARTAWAN SINGAPURA ITU MUNGKIN DIBEBASKAN KERANA MEREKA TELAH MENGAKU DAN MEMBERI MAKLUMAT KEPADA KERAJAAN, KATANYA.

DALAM HAL SAMAD, KATANYA, TERPULANGLAH KEPADA PIHAK POLIS MENENTUKAN BILA SAMAD BOLEH DIBEBASKAN JIKA BERPENDAPAT IA TIDAK LAGI MENGANCAM NEGARA, DENGAN BERDASARKAN HASIL PENYIASATAN.

DR. MAHATHIR BERKATAA, ANCAMAN KOMINIS KEPADA NEGARA ADALAH SERIUS DAN ITULAH SEBABNYA BELIAU SENTIASA MENGGESA RAKYAT TERUS WASPADA.

+JIKA KITA LALAI WALAU SEKEJAP, MEREKA AKAN MEREBut PELUANG+, KATANYA. --BERNAMA 1422/BY.